

25 AUG 1999

DR MAHATHIR KUNJUNGI HABIBIE

KUALA LUMPUR, 25 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengunjungi Presiden B.J.Habibie di hotel Palace of the Golden Horses di sini hari ini.

Selepas pertemuan 15 minit itu, Perdana Menteri meraikan pemimpin Indoneisa itu dan rombongannya pada jamuan tengah hari.

Turut hadir ialah Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan beberapa menteri kabinet.

Habibie tiba pagi tadi untuk lawatan kerja sehari sebagai membalas kunjungan Dr Mahathir ke Pulau Batam di Indonesia pada Mei lepas.

Rombongan Habibie termasuk Menteri Luar Ali Alatas, Menteri Ekonomi, Kewangan dan Industri Ginandjar Kartasasmita, Menteri Pertahanan dan Panglima Angkatan Tentera Jen Tan Sri Wiranto, Menteri Perdagangan dan Perindustrian Rahardi Ramelan dan Menteri Kehakiman Muladi.

Sebelum itu, Yang di-Pertuan Agong Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah menerima menghadap Habibie di Istana Negara.

Dr Mahathir dan Habibie dijadual mengadakan perbincangan dua hala di Pejabat Perdana Menteri di Putrajaya, yang akan diikuti mesyuarat peringkat delegasi.

--BERNAMA

RV MAI